

15 MAR 1997

Kuan Yew-Reaksi (rangkuman)

PEMUDA DESAK KABINET KAJI SEMULA HUBUNGAN M'SIA-S'PURA

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Luahan rasa tersinggung Malaysia terhadap Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menghina Johor dalam afidavitnya berterusan hari ini dengan desakan-desakan yang di antara lain mahukan hubungan diplomatik Malaysia-Singapura dikaji semula.

Semakin lantang juga desakan supaya Lee jangan sekadar meminta maaf kerana mencetuskan kontroversi itu tetapi menarik balik kenyataannya yang menyinggung daripada afidavit itu jika beliau benar-benar ikhlas.

Di IPOH, Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi menggesa kerajaan mengkaji semula "asas perjanjian dan hubungan diplomatik" dengan Singapura berikutan kenyataan Lee.

Bercakap kepada pemberita Ahmad Zahid berkata kerajaan perlu membuat keputusan mengenai perkara itu pada mesyuarat Kabinet minggu depan kerana menurutnya tindakan Lee melampaui batasan dan harus ditangani segera.

"Kita minta Kabinet mengkaji semula asas perjanjian dengan Singapura kerana asas itu memperlihatkan kita banyak mengalah tetapi sikap ketelusan itu telah disalah-ertikan oleh pemerintah Singapura," katanya selepas berucap di Konvensyen "Pemuda Pemangkin Gerakan Reformasi" peringkat negeri Perak hari ini.

Ahmad Zahid berkata Malaysia perlu memperlihatkan sensitivitinya terhadap banyak perjanjian dengan Singapura terutama mengenai bekalan air dan penggunaan ruang udara yang menurutnya telah ketinggalan zaman dan perlu dikaji semula.

Pemuda Umno juga menyarankan kerajaan bertindak serta merta melarang barangan Malaysia dieksport melalui Singapura memandangkan Malaysia mempunyai banyak pelabuhan sendiri.

Katanya tidak mencukupi untuk Lee sekadar meminta maaf kerana penghinaan terhadap Johor wujud sebagai rekod mahkamah dan afidavit itu perlu ditarik balik dan dibatalkan jika Lee ikhlas mahu memelihara hubungan dengan Malaysia.

Khamis lepas Lee meminta maaf atas kenyataan dalam afidavitnya yang menyifatkan Johor "tempat tembak-menembak, samun dan merampas kereta".

Ahmad Zahid berkata Pemuda Umno akan menggunakan platform politik jika Lee tidak menarik balik kenyataannya dalam afidavit itu.

Di LANGKAWI, Pengerusi Biro Antarabangsa MCA Pusat Chor Chee Heung mendesak Lee supaya mengemukakan afidavit kedua kerana menurutnya kenyataan maaf Lee berhubung perkara itu tidak mencukupi.

Ini kerana kenyataan Lee mengenai Johor dalam afidavit asal tidak sah dan tidak betul, katanay kepada pemberita.

Beliau berkata sebagai seorang peguam, Lee harus mengetahui afidavit adalah dokumen mahkamah yang perlu diangkat sumpah sebelum ditandatangani sedangkan afidavitnya mengandungi kenyataan buruk terhadap Johor.

"Sekiranya Lee benar-benar menyesal dengan kenyataannya beliau harus meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakyat Malaysia", kata Chor yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan.

Juga di Langkawi, Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat Haji Mahfuz Omar berkata kenyataan maaf Lee bukan penyelesaian bagi kontroversi itu memandangkan Singapura telah banyak kali melakukan apa yang beliau sifatkan sebagai kebiadapan terhadap rakyat dan negara ini.

Di ALOR GAJAH, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata kerajaan Singapura perlu memperkenalkan satu kod etika bagi

mengawal pemimpinnya daripada mengeluarkan kenyataan negatif terhadap negara jiran.

Kenyataan Lee terhadap Johor juga turut mengejutkan pemimpin dan masyarakat Indonesia, kata Mohd Zin yang kembali semalam daripada lawatan kerja enam hari ke Sumatera.

"Rata-rata mereka melahirkan rasa terkejut dan tidak bersetuju dengan pendapat itu," Mohd Zin memberitahu pemberita.

Kenyataan Lee mengenai Johor terkandung dalam affidavit samannya terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong yang melarikan diri ke Johor.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata kenyataan Lee mengenai Johor dalam affidavitnya itu seolah-olah "menepuk air dalam tulang, terpercik ke mukanya sendiri".

Koh berkata sekiranya Johor negeri yang tidak selamat seperti yang didakwa Lee, mengapa Tang, walaupun beliau daripada parti pembangkang, sanggup melarikan dirinya ke negeri yang "tidak selamat".

"Adakah ini membayangkan sesuatu yang lebih dahsyat berlaku di Singapura sehingga rakyatnya perlu lari ke tempat yang tidak selamat seperti Johor?" tanya Koh.

Koh yakin sentimen Lee itu tidak dipersetujui kebanyakan rakyat Singapura kerana jika Johor benar-benar tidak selamat, sudah tentu tidak ramai rakyat Singapura mengunjungi Johor atau membuat pelaburan di sana atau di negeri-negeri lain di Malaysia.

Naib Presiden Parti Gerakan itu menggesa kerajaan mengkaji semula peranan media Singapura, yang menurut beliau nampaknya sengaja melaporkan perkar-perkara yang buruk mengenai Malaysia.

Ini, katanya, berdasarkan dakwaan Lee bahawa beliau membuat kenyataan dalam affidavitnya itu setelah membaca mengenai keadaan di Johor menerusi akhbar-akhbar di Singapura.

Koh mendakwa ada kecenderungan di kalangan media Singapura untuk sengaja menulis perkara-perkara yang buruk mengenai Malaysia mungkin kerana mereka menganggap Malaysia saingan hebat kepada republik itu.

-- BERNAMA

RA/rn RON